

ZIKIR 3 SERANGKAI MENURUT SUNNAH

*Panduan Hidup Bersyariat*

# SOLUSI.

MOTIVASI  
FARDU AIN

**139**

2021 • PP 15048/05/2013 (032162)

## JIKA BUKAN RAMADAN KALI INI, BILA LAGI?

KAWAL DAN URUS RAMADAN KITA



**30** JASA KAKAK  
NABI MUSA

**63** SOLAT MEMAKAI  
PELITUP MUKA



**AB**  
AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
(Incorporated in Malaysia)



RM10.00 (SEM)  
RM12.00 (S/S)  
SGD7.50  
BND7.50  
USD10.00  
EUR8.00  
IDR35,000.00  
AUD7.50



**Pengerusi** Hj. Waharp Yusoff  
**Pengarah Urusan** Datuk Dr. Hj. Zahazan Mohamed  
**Konsultant Penerbitan** Dato' Haji Muhammad Zakaria

**Ketua Editor** Husna Hassan  
**Editor** Muhammad Alif Fitri bin Abdul Halim  
**Pembantu Editor** Jamilah Mohd Norddin  
**Konsultant Syariah** Ahmad Fauwaz Fadzil

**Konsep & Layout** Yosh Studio  
**Eksekutif Pemasaran** Ismarina Izzatie Ismail  
**Ilustrasi** Athool, Cipuden  
**Video:** Team Media

#### Kolumnis

Datuk Dr. Hj. Zahazan Mohamed, Dr. Mohd Azrul Azlen,  
Ahmad Husni Abd Rahman, Mohamad Razif Mohamad Fuad,  
Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman,  
Dr. Mohammad Nidzam Abdul Kadir al-Jarumi, Noraini Mat Din,  
Nur Khairunnisa Iskandar, Dr. Rizal Abu Bakar, Azad Jasmi, Bonda Nor,  
Dato' Hj. Zulkifli Abdul Malek, Dr. Zaifuddin Md Rasip,  
Ahmad Shamil Shahrin, Dato' Dr. Abdul Basit Hj. Abd Rahman,  
Ir. Muhammad Lukman al-Hakim, Dr. Mohd Yusuf Ismail,  
Dato' Hj. Muhammad Zakaria

**Facebook:** Majalah Solusi  
**Instagram:** majalahsolusi  
**Twitter:** Majalah\_Solusi  
**E-mel:** editorialsolusi@gmail.com  
**Telegram:** Telegram.me/majalahSolusi

**Pemasaran** Telaga Biru Sales Team  
**Koordinator Penerbitan** Nadirah Waharp  
**Iklan dan Promosi** Unit Perhubungan Awam  
**Langganan** Langganan@telagabiru.my

#### Diterbitkan oleh



Telaga Biru Sdn. Bhd.,  
No. 28 Jalan Tembaga, SD 5/2A, Sri Damansara Industrial Park,  
52200 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-6275 4070, 6276 8057  
Faks: 03-6275 4110

#### Dicetak oleh

Tihani Cetak Sdn. Bhd.,  
Lot 532, Jalan Perusahaan 3, Bandar Baru Sungai Buloh,  
47000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.


© Hak cipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan mana-mana isi kandungan majalah termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apa jua bentuk dan apa jua cara, tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada Telaga Biru Sdn. Bhd.

**Langganan dan Belian Majalah Solusi**

## 018 - 304 8660

 [www.telagabiru.com.my](http://www.telagabiru.com.my)

Manhaj kami berdiri atas akidah Ahli Sunnah Waljamaah khususnya akidah Asy'ariah yang merupakan akidah utama umat Islam. Manakala dari sudut pengamalan mazhab, ulama bersepakat atas kesahihan bertaklid kepada empat mazhab, khususnya Imam al-Syafi'i, tanpa menolak bertaklid kepada mazhab lain ketika berhajat, seperti yang dinaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami dan al-Bajuri.







# 5 Tip Menjadi Orang yang Bersyukur

Allah SWT berfirman:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ  
أَنجَاكُمْ مِنْ عَالِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ الْعَذَابِ  
وَيُذَيِّبُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ

Maksudnya: "Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaum baginda: 'Kenanglah nikmat Allah kepada kamu semasa dia menyelamatkan kamu daripada Firaun dan konco-konconya yang sentiasa menyiksa kamu dengan pelbagai seksaan yang buruk dan mereka pula menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu.'" (Surah Ibrahim 14: 6)

## OLEH ITU, BINALAH RASA SYUKUR DALAM DIRI DENGAN LIMA CARA BERIKUT:

### 1 BERSANGKA BAIK DENGAN TUHAN

Cuba sedaya upaya untuk bersangka baik dengan Tuhan. Perbuatan ini akan menenangkan jiwa, reda atas segala ketentuan dan melapangkan dada.

### 2 RASAI PENDERITAAN ORANG LAIN

Apabila ingin bersyukur dengan nikmat, lihatlah golongan yang kurang bernasib baik jika dibandingkan dengan kita. Keinsafan melihat golongan fakir dan miskin menjelmakan rasa syukur kerana kita masih mampu untuk memberikan keperluan asas kepada ahli keluarga.

### 3 BANDINGKAN DENGAN UJIAN YANG LEBIH BESAR

Apabila ingin bersyukur dengan musibah, lihatlah golongan yang menerima ujian yang lebih teruk dan besar berbanding kita. Melalui cara ini, kita mampu bersyukur dengan sedikit ujian dan musibah yang diberikan.

Nabi SAW bersabda:

"Pandanglah orang yang berada di bawahmu (dalam masalah harta dan dunia) dan janganlah engkau pandang orang yang berada atasmu (dalam masalah ini). Dengan demikian,

Bagi membina kekuatan jiwa melalui kesabaran, rasa syukur perlu dijelmakan dalam diri. Syukur ialah asas kesabaran. Orang yang tidak bersyukur sukar menjadi orang yang sabar.

Lihatlah ketika Nabi Musa berada dalam fasa yang sukar setelah terselamat daripada kezaliman Firaun. Baginda mengajar kaum baginda; bani Israel agar melihat nikmat yang dikurniakan supaya mereka menjadi orang yang bersyukur.

hal itu membuatkan kamu tidak meremehkan nikmat Allah kepadamu." (Riwayat Muslim)

### 4 UCAPAN KETIKA SENANG DAN SUSAH

Pujian dan kesyukuran perlulah sentiasa dilakukan tidak kira ketika senang atau susah, bahagia atau derita, kini atau masa depan.

Tujuannya supaya kita menyedari bahawa setiap yang kita lalui adalah ketentuan Allah.

### 5 GERAKKAN AKAL DAN JIWA

Untuk menjadi orang yang bersyukur, kita perlu menggerakkan akal, mengubah cara memandang dunia dan sentiasa tadabbur ayat yang agung ini. 6

